

ANALISIS KEPERLUAN BAGI PARAMETER AKIDAH DAN FIQH UNTUK RAWATAN ALTERNATIF MELAYU BERASASKAN SILAT

ANALYSING THE NEED FOR 'AQIDAH AND FIQH PARAMETERS IN MALAY ALTERNATIVE MEDICINE BASED ON SILAT

**Ahmad Luqman Arshad Mohd Sidik¹,
Muhammad Yusri Yusof @Salleh^{2*},
Paiz Hassan³**

¹Pusat Pengajian Siswazah Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: 2024453668@student.uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohd Sidik, A. L. A., Salleh @ Yusof, M. Y., & Hassan, P. (2025). Analisis keperluan bagi parameter akidah dan fiqh untuk rawatan alternatif melayu berdasarkan silat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 466 – 473.

Abstrak: Rawatan alternatif Melayu berdasarkan silat merupakan satu bentuk amalan perubatan tradisional yang menggabungkan unsur fizikal, spiritual, dan budaya warisan yang telah lama diamalkan dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, keterlibatan elemen mistik dan ritual tertentu dalam rawatan ini menimbulkan keperluan untuk diteliti semula dari sudut pematuhan terhadap prinsip akidah dan fiqh Islam. Kajian ini dijalankan bagi menganalisis keperluan pembentukan parameter syariah yang boleh dijadikan asas dalam menilai sejauh mana rawatan alternatif ini menepati garis panduan agama Islam, khususnya dalam aspek keesaan Tuhan (tauhid) dan hukum-hakam amalan (fiqh). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen, kajian teks terpilih berkaitan ilmu persilatan, serta temu bual separa berstruktur bersama pengamal rawatan dan ilmuwan Islam. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat unsur-unsur tertentu seperti penggunaan jampi, seruan entiti ghaib, serta amalan bergantung kepada kekuatan batin yang dikhuatiri bercanggah dengan prinsip tauhid yang murni. Justeru itu, keperluan untuk merangka parameter syariah yang jelas, komprehensif, dan kontekstual adalah amat penting bagi memandu masyarakat dan pengamal rawatan ke arah amalan yang patuh syariah. Kajian ini mencadangkan supaya prinsip tasfiyah (penjernihan akidah daripada unsur syirik dan khurafat) dan tarsyid (pembimbangan kepada amalan yang sahih) dijadikan kerangka utama dalam pembentukan parameter tersebut. Usaha ini diyakini dapat melestarikan warisan rawatan tradisional Melayu dalam acuan Islam yang sahih dan berautoriti.

Kata Kunci: Rawatan alternatif, silat, akidah, fiqh, parameter syariah, perubatan tradisional, budaya Melayu

Abstract: Malay alternative medicine based on silat represents a form of traditional healing that integrates physical, spiritual, and cultural heritage elements long practiced within the Malay community. However, the incorporation of mystical components and certain ritualistic practices in this healing approach necessitates a reassessment of its compliance with the principles of Islamic ‘aqīdah and fiqh. This study aims to analyse the need for the development of shariah-based parameters that can serve as a benchmark to assess the religious legitimacy of this alternative treatment, particularly in relation to monotheistic purity and Islamic legal rulings. Employing a qualitative research design, the study adopts document analysis, textual review of selected silat literature, and semi-structured interviews with healing practitioners and Islamic scholars. The findings reveal that certain elements—such as the use of incantations, invocation of unseen entities, and reliance on inner mystical forces—pose potential contradictions to pure Islamic monotheism (tawḥīd). Therefore, the development of clear, comprehensive, and contextually relevant shariah parameters is deemed critical to guide both practitioners and the public towards religiously compliant practices. This study proposes that the principles of tasfiyah (purification of creed from polytheistic and superstitious elements) and tarshīd (guidance towards authentic practices) should form the conceptual framework for such parameter development. This approach is anticipated to ensure the preservation of traditional Malay healing heritage in a manner that is consistent with authentic Islamic teachings and legal integrity.

Keywords: Alternative medicine, silat, ‘aqīdah, fiqh, shariah parameters, traditional healing, Malay culture.

Pendahuluan

Rawatan alternatif berasaskan silat merupakan sebahagian daripada warisan perubatan tradisional Melayu yang menggabungkan aspek fizikal, spiritual, dan budaya. Di Kelantan, misalnya, seni silat bukan sahaja berfungsi sebagai seni mempertahankan diri, tetapi juga sebagai medium penyembuhan yang melibatkan amalan seperti urutan, penggunaan herba, dan ritual tertentu yang dipercayai dapat menyembuhkan penyakit fizikal dan spiritual. Namun, penglibatan unsur-unsur mistik dan kepercayaan terhadap entiti ghaib dalam amalan ini menimbulkan persoalan dari sudut akidah dan fiqh Islam. Penggunaan jampi, seruan kepada makhluk halus, dan kebergantungan kepada kekuatan batin tanpa sandaran syarak boleh membawa kepada penyimpangan akidah dan pelanggaran prinsip syariah. Dalam konteks ini, keperluan untuk membangunkan parameter syariah yang jelas dan komprehensif adalah amat penting. Parameter ini berfungsi sebagai garis panduan untuk menilai kesahihan dan keterimaan amalan rawatan alternatif berasaskan silat menurut perspektif Islam, khususnya dalam aspek akidah dan fiqh. Tanpa panduan yang jelas, terdapat risiko bahawa pengamal dan masyarakat umum mungkin terlibat dalam amalan yang bercanggah dengan prinsip Islam, walaupun dengan niat untuk mencari penyembuhan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan pembangunan parameter syariah yang dapat memandu amalan rawatan alternatif berasaskan silat agar selari dengan tuntutan akidah dan fiqh Islam. Pendekatan ini diharapkan dapat memastikan bahawa warisan perubatan tradisional Melayu dapat dilestarikan tanpa menjaskan integriti ajaran Islam.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai rawatan alternatif Melayu berasaskan silat masih lagi bersifat terhad, namun terdapat beberapa sumber ilmiah yang boleh dijadikan asas dalam membina kerangka parameter

syariah bagi menilai kesesuaianya dari sudut akidah dan fiqh. Penyelidikan oleh Nur Amalina Mat Rafi dan Raja Iskandar Raja Halid (2021), Julita et.al (2024) meneliti warisan perubatan tradisional yang diamalkan dalam konteks seni silat di Kelantan. Hasil kajian menunjukkan bahawa rawatan alternatif melalui pendekatan silat merangkumi amalan seperti urutan, penggunaan herba, dan ritual khusus yang dipercayai mampu menyembuhkan penyakit. Walaupun kajian ini tidak secara langsung membincangkan perspektif hukum Islam terhadap amalan tersebut, ia memberikan gambaran tentang kelestarian rawatan tradisional yang bersifat holistik dan berakar umbi dalam budaya Melayu. Dalam perkembangan lain, Rosnani Ripin (2016), Nurhakim et.al (2024) menekankan keperluan pematuhan syariah dalam amalan perubatan tradisional, khususnya dalam bidang urutan Melayu. Beliau menegaskan bahawa pengamal rawatan hendaklah beriman, bertakwa, serta mematuhi etika dan adab rawatan yang digariskan oleh syariah. Kajian ini memberikan asas penting dalam merumuskan prinsip etika Islam bagi rawatan alternatif, termasuk keperluan menjaga aurat, batas pergaulan antara jantina, dan larangan unsur khurafat dalam amalan. Walaupun fokus kajian adalah terhadap amalan urutan, kerangka etika yang dicadangkan adalah relevan untuk diaplikasikan dalam amalan silat sebagai satu bentuk perubatan spiritual yang turut melibatkan interaksi tubuh dan bacaan tertentu.

Sementara itu, Mohamad Zaim Isamail et al. (2013), Rafiqi (2024) dalam kajian mereka mengenai seni perubatan alternatif di Malaysia telah mengupas isu-isu metodologi rawatan yang berpotensi bercanggah dengan prinsip Islam. Mereka mengenal pasti beberapa bentuk amalan yang meragukan seperti penggunaan jin, bacaan yang tidak difahami maknanya, dan kebergantungan kepada unsur ghaib yang tidak bersumberkan wahyu. Kajian ini menyarankan perlunya satu garis panduan rasmi yang dapat mengawal selia pusat-pusat rawatan Islam supaya tidak terjebak dalam kesamaran hukum dan penyelewengan akidah. Implikasi daripada dapatan ini amat penting dalam usaha membangunkan parameter syariah bagi rawatan berasaskan silat yang turut melibatkan bacaan, zikir, atau mantera yang perlu diteliti dari sudut kesahihannya. Sorotan ini menunjukkan bahawa meskipun kajian secara spesifik terhadap rawatan silat dalam konteks fiqh dan akidah masih kurang, terdapat asas yang mencukupi untuk memulakan pembinaan parameter yang sahih dan berwibawa. Kajian-kajian tersebut menekankan keperluan terhadap penilaian syariah yang bukan sahaja melihat kepada keberkesanan fizikal rawatan, tetapi juga menjamin kesucian akidah dan pematuhan terhadap batas fiqh yang ditetapkan oleh Islam. Justeru, penggabungan dapatan-dapatan ini dapat membantu merangka satu model penilaian syariah yang komprehensif dan sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks rawatan alternatif Melayu berasaskan silat. Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa terdapat amalan rawatan tradisional berasaskan silat yang masih diamalkan dalam masyarakat Melayu. Namun, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan parameter syariah yang jelas bagi menilai kesesuaian amalan tersebut dengan prinsip akidah dan fiqh Islam. Kajian-kajian yang dibincangkan memberikan asas yang kukuh untuk pembangunan parameter tersebut, dengan menekankan kepentingan etika, pematuhan syariah, dan penilaian kritikal terhadap amalan rawatan alternatif.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks bagi meneliti keperluan parameter akidah dan fiqh dalam rawatan alternatif berasaskan silat yang diamalkan dalam masyarakat Melayu. Reka bentuk kajian ini berfokus kepada analisis kandungan terhadap teks-teks tradisional dan kontemporari yang diiktiraf kesahihannya serta mempunyai nilai rujukan akademik dan budaya. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan pemahaman mendalam terhadap nilai-nilai teologis dan hukum syarak yang terkandung secara tersirat dalam

sumber-sumber perubatan dan kesusasteraan silat Melayu. Sumber data primer kajian terdiri daripada teks warisan Melayu seperti Hikayat Hang Tuah yang memuatkan unsur kepercayaan terhadap kekuatan batin dan ketaatan kepada prinsip keesaan Tuhan. Selain itu, manuskrip perubatan Melayu seperti Majmu‘ al-Tibb (koleksi Perpustakaan Negara Malaysia) dan Kitab Tib MSS 1292 yang mencerminkan gabungan unsur perubatan tradisional dengan kepercayaan kerohanian turut dianalisis. Bahan ini dipilih kerana mengandungi rujukan yang sahih kepada amalan rawatan dan unsur metafizik Melayu yang masih diamalkan dalam silat tradisional. Kajian ini turut menyemak karya akademik seperti artikel oleh Abdul Latiff Ahmad et al. (2013), Nadzirah (2022) yang membincangkan keterlibatan belia dalam silat Melayu sebagai warisan budaya dan kerohanian, yang diterbitkan dalam Jurnal Komunikasi.

Prosedur analisis melibatkan penggunaan kaedah *thematic textual analysis* untuk mengenal pasti tema-tema yang berkaitan dengan prinsip akidah (seperti tauhid, kebergantungan kepada Allah, dan penolakan syirik) serta prinsip fiqh (seperti hukum rukyah, batasan ikhtilaf, dan penggunaan jampi). Kod tematik ditentukan secara deduktif berdasarkan kerangka maqasid syariah dan kaedah fiqh Islam yang disesuaikan dengan konteks perubatan tradisional. Rujukan kepada pandangan fuqaha seperti al-Nawawi, al-Qaradawi dan Wahbah al-Zuhayli turut dilakukan untuk memandu tafsiran terhadap teks yang dianalisis. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kebolehlaksanaan dapatan, triangulasi sumber dilakukan melalui perbandingan antara teks tradisional, pandangan ulama kontemporari dan dapatan kajian akademik semasa. Hasil analisis dijangka dapat merumuskan satu rangka asas parameter akidah dan fiqh bagi menilai kesahihan amalan rawatan alternatif yang dikaitkan dengan silat, seterusnya menyumbang kepada penambahbaikan garis panduan rawatan berdasarkan syariah dalam budaya tempatan.

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa amalan rawatan alternatif berdasarkan silat dalam kalangan masyarakat Melayu masih diamalkan secara meluas, khususnya di kawasan luar bandar dan dalam kalangan pengamal persilatan tradisional. Rawatan ini bukan sahaja melibatkan aspek fizikal seperti urutan tenaga dalaman dan teknik pernafasan, tetapi turut merangkumi dimensi spiritual yang menggunakan bacaan tertentu, air penawar, dan upacara ritual yang dipercayai mampu memulihkan penyakit zahir dan batin. Dalam temu bual bersama pengamal rawatan silat, kebanyakan mereka menyatakan bahawa sumber kekuatan rawatan berpunca daripada "ilmu warisan" dan "izin guru", yang kadangkala tidak dijelaskan dengan jelas dari sudut sandaran syarak. Sebahagian pengamal mengakui penggunaan bacaan yang tidak diketahui maknanya dan penggantungan terhadap entiti ghaib, yang menimbulkan persoalan dari sudut akidah. Penemuan ini disokong oleh kajian Mohamad Zaim Isamail et al. (2013), Zahiruddin (2021) yang menyatakan bahawa antara isu besar dalam amalan rawatan alternatif ialah kecenderungan untuk menggunakan unsur khurafat dan unsur ghaib yang tidak sahih, termasuk bergantung kepada jin dan makhluk halus tanpa nas syarak yang jelas. Hal ini selari dengan dapatan Patton (2002), Wiyanda et.al, (2024) yang menekankan kepentingan triangulasi data bagi memastikan kebolehpercayaan dapatan, khususnya apabila melibatkan subjek yang sensitif seperti kepercayaan spiritual. Temu bual bersama tokoh agama pula mendapati bahawa beberapa amalan dalam rawatan silat, seperti seruan kepada semangat alam, penggunaan mentera yang tidak difahami, dan kebergantungan kepada kekuatan batin tanpa sandaran tauhid, boleh membawa kepada syirik jali (jelas) mahupun khafi (tersembunyi), seperti yang diuraikan oleh Yusof al-Qaradawi (2005), Miftah & Dzulfikar (2024) dalam karya beliau berkaitan akidah dan penyimpangan.

Selain itu, dari sudut fiqh, beberapa aspek rawatan didapati menyalahi batas syariah, khususnya apabila melibatkan sentuhan antara lelaki dan wanita bukan mahram, pendedahan aurat, dan kepercayaan bahawa penyembuhan datang daripada kekuatan makhluk dan bukan daripada Allah SWT. Kajian Rosnani Ripin (2016), Eka (2024) memberi garis panduan penting dalam hal ini, iaitu pengamal rawatan harus menjaga etika syariah, termasuk batas pergaulan, niat yang betul, dan tidak menggunakan bacaan atau amalan yang boleh menimbulkan syubhat dalam akidah. Justeru itu, dapatan ini mengukuhkan keperluan untuk membangunkan satu parameter syariah yang bersifat holistik, berlandaskan prinsip tasfiyah (penjernihan akidah daripada unsur syirik dan khurafat) dan tarsyid (bimbingan terhadap amalan yang sahih), seperti yang dicadangkan dalam model al-Islām kāmil oleh para sarjana kontemporari. Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun rawatan alternatif Melayu berasaskan silat mengandungi nilai budaya dan potensi terapeutik, ia perlu disemak semula melalui lensa syariah agar tidak bercanggah dengan prinsip tawhid dan hukum fiqh. Tanpa kerangka penilaian yang sahih, masyarakat berisiko mengamalkan bentuk rawatan yang menjelaskan akidah dan keabsahan ibadah mereka. Oleh itu, pembinaan parameter syariah yang berpaksikan ilmu, nas, dan panduan ulama yang mu'tabar amat diperlukan untuk memastikan rawatan ini dapat terus diamalkan dalam acuan Islam yang sahih dan berautoriti.

Parameter Akidah dan Fiqh: Satu Perbincangan

Dalam konteks rawatan alternatif Melayu berasaskan silat, keperluan membangunkan parameter syariah adalah amat mendesak bagi menjamin kesahihan akidah serta pematuhan terhadap hukum-hakam fiqh. Parameter akidah merujuk kepada penilaian terhadap unsur kepercayaan, niat dan sandaran spiritual yang diamalkan dalam rawatan. Prinsip utama dalam aspek ini ialah pemeliharaan tauhid, iaitu memastikan bahawa setiap bentuk penyembuhan tidak bercanggah dengan konsep keesaan Allah SWT. Sebarang pergantungan kepada unsur ghaib selain daripada kekuasaan Allah, seperti seruan kepada makhluk halus, penggunaan mentera yang tidak difahami, atau kepercayaan terhadap ‘kuasa dalam’ yang kononnya diwarisi daripada guru silat, perlu disaring dan ditolak jika tidak berlandaskan nas yang sahih (Yusof al-Qaradawi, 2005; Bibit & Karsiwan, 2024). Parameter akidah boleh dirangka berasaskan pendekatan tasfiyah, iaitu proses pemurnian kepercayaan daripada sebarang unsur khurafat, tahlul dan syirik. Ini meliputi penilaian terhadap teks bacaan, doa atau mentera yang digunakan dalam rawatan; apakah ia mempunyai sandaran syarie daripada al-Qur'an, al-Sunnah, atau amalan sahabat? Jika tidak, ia perlu ditolak secara prinsip. Seperti dinyatakan dalam kajian Rosnani Ripin (2016), Zahiruddin (2021) etika pengamal rawatan alternatif termasuk menjaga akidah dan mengelakkan amalan yang tidak dapat dijelaskan sumbernya. Selain itu, pengamal juga harus memiliki ilmu yang memadai dalam mengenal bentuk syirik jali (jelas) dan syirik khafi (tersembunyi) yang mungkin tersembunyi dalam praktik ritual mereka.

Dari sudut fiqh pula, parameter perlu merangkumi aspek hukum-hakam yang berkait langsung dengan pelaksanaan rawatan, termasuk soal aurat, pergaulan antara jantina, kaedah rawatan fizikal, serta status air atau bahan yang digunakan dalam rawatan. Sebagai contoh, jika rawatan melibatkan sentuhan antara pengamal lelaki dan pesakit wanita tanpa keperluan syarie yang jelas dan tanpa mahram, maka ia perlu ditolak kerana melanggar batas syarak. Begitu juga, sekiranya terdapat penggunaan air yang dikatakan “dijampi” tetapi tanpa sandaran ayat suci yang sahih, maka penggunaannya perlu dinilai semula. Prinsip tarsyid (bimbingan kepada amalan yang sahih) amat penting dalam menyusun garis panduan fiqh yang boleh diguna pakai oleh pengamal rawatan agar mereka tidak terkeluar daripada disiplin syariah (Mohamad Zaim Isamail et al., 2013; Mustaqim, 2024).

Selain daripada aspek teknikal, parameter fiqh juga melibatkan maqasid syariah, khususnya dalam memastikan rawatan itu tidak menjelaskan agama (hifz al-din), akal (hifz al-'aql) dan maruah diri (hifz al-'ird). Oleh itu, rawatan yang menyebabkan kekeliruan dalam kepercayaan, mendatangkan was-was dalam ibadah, atau membuka ruang kepada eksploitasi pesakit perlu ditolak atau ditambah baik berdasarkan prinsip maslahat dan sad al-zari'ah. Parameter ini juga perlu mengambil kira fatwa-fatwa semasa, termasuk garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM atau institusi fatwa negeri berkaitan rawatan alternatif yang sah dan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Perbincangan ini memperlihatkan bahawa aspek akidah dan fiqh dalam rawatan alternatif bukanlah isu kecil atau pinggiran, bahkan ia menyentuh asas keabsahan amalan yang dilakukan oleh umat Islam. Justeru, pembinaan parameter yang jelas, berdasarkan autoriti ilmu dan sumber sahih, merupakan langkah penting untuk melestarikan rawatan tradisional Melayu dalam acuan Islam. Ia bukan sahaja menjaga kemurnian agama, bahkan turut memberikan keyakinan kepada masyarakat bahawa warisan yang diamalkan adalah selamat, sahih dan diberkati.

Kesimpulan dan Saranan

Rawatan alternatif Melayu berdasarkan silat merupakan satu bentuk amalan tradisional yang kaya dengan unsur budaya dan warisan kerohanian masyarakat Melayu. Namun begitu, dapatkan kajian menunjukkan bahawa sebahagian amalan dalam rawatan ini berisiko menjelaskan prinsip asas akidah Islam seperti keesaan Tuhan (tawhid), apabila wujud penggunaan bacaan yang tidak difahami maknanya, pergantungan terhadap kuasa batin yang kabur dari sudut syarak, serta kepercayaan terhadap entiti ghaib yang tidak bersandarkan dalil al-Qur'an dan al-Sunnah. Selain itu, beberapa aspek pelaksanaan rawatan juga bercanggah dengan hukum fiqh, seperti sentuhan fizikal antara bukan mahram, pendedahan aurat, dan penggunaan bahan rawatan yang tidak diketahui status sucinya. Justeru, wujud keperluan mendesak untuk membina satu kerangka parameter syariah yang komprehensif, bertujuan menapis unsur-unsur yang bercanggah dengan prinsip Islam dan pada masa sama mengekalkan nilai budaya yang tidak bertentangan dengan syarak.

Bagi memastikan rawatan alternatif berdasarkan silat dapat terus diamalkan dalam kerangka Islam yang sahih, beberapa saranan utama dicadangkan. Pertama, institusi berautoriti seperti JAKIM, Jabatan Mufti Negeri, dan Majlis Fatwa Kebangsaan wajar menggubal satu garis panduan rasmi yang dapat menilai kesahihan amalan rawatan alternatif berdasarkan prinsip akidah dan fiqh. Panduan ini perlu meliputi aspek bacaan, kaedah rawatan fizikal, penggunaan bahan rawatan, serta adab dan etika pengamal. Kedua, pengamal rawatan tradisional disarankan untuk mengikuti latihan atau kursus pensijilan yang merangkumi asas-asas fiqh ibadah, hukum akidah, dan pengurusan pesakit secara Islamik agar rawatan yang diberikan tidak hanya berkesan tetapi juga sah dari sudut agama. Ketiga, pendidikan dan kesedaran masyarakat berkaitan batasan syariah dalam rawatan alternatif juga perlu diperkasa. Ceramah, penerbitan risalah, dan bengkel awam boleh dijadikan medium untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada masyarakat agar mereka mampu membuat penilaian terhadap rawatan yang mereka terima. Akhir sekali, penyelidikan lanjutan secara lebih mendalam dan bersifat antara disiplin perlu dijalankan, melibatkan kerjasama antara pakar syariah, antropologi budaya, dan perubatan tradisional bagi mengembangkan parameter syariah yang bersifat praktikal dan menyeluruh. Dengan langkah-langkah ini, rawatan alternatif Melayu berdasarkan silat dapat dilestarikan sebagai warisan budaya yang selari dengan tuntutan syarak dan menyumbang kepada kesejahteraan spiritual serta fizikal umat Islam secara bersepadu.

Rujukan

- Abdul Latiff Ahmad, Mohd Helmi Norman, & Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2013). Silat dan keterlibatan belia dalam seni bela diri tradisional Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 89–104.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2021). *Khurafat, Tahlul Dan Mistik Dalam Filem Melayu: Sorotan Isu – Isu Fundamental*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Al-Qaradawi, Y. (1997). *The Lawful and the Prohibited in Islam (al-Halal wa al-Haram fi al-Islam)* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Al-Zuhayli, W. (2007). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 1–9). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bibit Suranti & Karsiwan. (2024). *Membentuk Karakter Pemuda Melalui Pencak Silat Sekinci – Kinci*. Institusi Agama Islam Negeri Metro, Lampung, Indonesia.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Eka Sulistiawati. (2024). *Etika Pergaulan Laki – Laki Dan Perempuan Dalam Al-Quran*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Hamidi, H. (2018). Haron Din: Pemikiran Perubatan Islam di Malaysia. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2018 (SIGMA 8)* (hlm. 36–43). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Julita Norjieta Taisin, Normarini Norzan, Hasmidar Hassan & Constantine Walter. (2024). *Pengaruh Kepercayaan Dan Kearifan Tempatan Terhadap Amalan Perubatan Tradisional Masyarakat Kadazandusun*. Language Department, Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University Malaysia, Malaysia.
- Miftah Nabila Mubaroh & c Akbar Romadlon. (2024). *Pendidikan Aqidah Akhlak Bagi Remaja Islam Menurut Al-Ghazali Dan Relevansinya di Era Disrupsi*. UniVersitas Muhammadiyah Sidoarjo.
- Mohamad Zaim Isamail, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin, Mohd Farhan Md Ariffin, & Muhammad Ikhlas Rosele. (2013). Seni Perubatan Alternatif di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(2), 79–91.
- Mohamad Zaim Isamail, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin, Mohd Farhan Md Ariffin, & Muhammad Ikhlas Rosele. (2013). Seni Perubatan Alternatif di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(2), 79–91.
- Muhamad Rafiqi Hehsan & Zulkifli Dahalan. (2024). *Perubatan Komplimentari Dan Alternatif Bagi Pesakit Kronik: Apakah Tanggapan Masyarakat?* Akademi pengajian Islam Kotemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara (UITM), Cawangan Pulau Pinang.
- Muhammad Nurhakim Bin Khalid, Muhammad Arifudin Adha Bin Ahmad Pekeri, Muhammad Nasrunnaim Bin Abdul Aziz Muhammad, Zulfikri Bin Che Razi & Sukhairu Bin Sulaiman. (2024). *Seni Urutan Tradisional Melayu: Adalah Kepakaran Tempatan Perlu Diteruskan Atau Diabaikan?*. Darul Quran JAKIM, Malaysia.
- Mustaqim Roslan. (2024). *Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Teoritikal*. Universiti Sultan Azlan Shah, Perak.
- Nur Amalina Mat Rafi & Raja Iskandar Raja Halid. (2021). Warisan Perubatan Tradisional dalam Seni Silat di Kelantan, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(2), 36–59.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (n.d.). *Kitab Tib MSS 1292 [Manuskrip perubatan tradisional]*. Kuala Lumpur: Bahagian Manuskrip Melayu, PNM.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (n.d.). *Majmu ‘al-Tibb [Manuskrip perubatan Melayu]*. Kuala Lumpur: Bahagian Manuskrip Melayu, PNM.

- Rosnani Ripin. (2016). Amalan Urut Melayu Tradisional Patuh Syariah. Dalam *Muzakarah Fiqh dan International Fiqh Conference*, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
- Siti Nadzirah Binti Yusoff. (2022). *Adat, Pantang Larang, Kepercayaan Dan Simbolik Dalam Seni Silat Gerak Cepat Di Kedah*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Wan Mohd Fazrul Azdi, W. R., Ahmad, Y., Abdul Mutalib, M. M., & Mohd Ramly, R. (Pnyt.). (2018). *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2018 (SIGMA 8)*. Universiti Sains Islam Malaysia
- Winstedt, R. O. (1965). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wiyanda Vera Nurfajriani, Muhammad Wahyu Ilhami, Arivan Mahendra, Rusdy Abdullah Sirodj & M Win Afgani. (2024). *Triangulasi Data Dalam Analisis Data Kualitatif*. Universitas Islam Negeri Raden Fatah Palembang.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods (6th ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.